

ORIENTALISME DALAM PENGAJIAN SEJARAH ALAM MELAYU

SYED FARID ALATAS

*Jabatan Pengkajian Melayu, Universiti Nasional Singapura
email: alatasa@nus.edu.sg*

Abstrak

Walaupun pelbagai contoh ketidakjitian atau ketidaksesuaian faham-faham, teori-teori dan andaian-andaian Barat telahpun diperhatikan dalam karya-karya kritis tentang kedudukan ilmu-ilmu kemasyarakatan di alam Melayu-Indonesia, akan tetapi apa yang dimaksudkan di aras fahaman dan empiris oleh kejitian dan ketidakjitian jarang telah menjadi perkara perbincangan ilmiah. Makalah ini bertujuan untuk memajukan pemahaman kita terhadap masalah kejitian ini dan menghuraikan beberapa masalah yang masih menghinggapi pengkajian sejarah Nusantara ini. Masalah-masalah ini berkaitan dengan kenyataan Orientalisme yang berterusan menguasai pengkajian Melayu-Indonesia. Dalam makalah ini masalah Orientalisme ditakrifkan dan beberapa contoh apa yang dimaksudkan dengan pendekatan bukan Erosentris dihasilkan.

ORIENTALISM IN RESEARCHING THE NATURAL HISTORY OF MALAY

SYED FARID ALATAS

*Malay Research Title, National University of Singapore
E-mail: alatas@nus.edu.sg*

Abstract

Although various examples of inaccuracy or discrepancy ideology, theories have been considered in critical works about the place of social sciences in the Malay-Indonesian, but what is meant by aras fahaman and empirical pertinence and naccuracy rarely been a matter of scientific debate. This paper aims to advance our understanding of these issues and the pertinence of exploring some issues that still descend historical studies this archipelago. These problems are related to the fact that the continuous controlled study Orientalism Malay-Indonesian. In this paper, problems of orientalism is defined and some examples of what is not meant by the resulted Eurocentric approach

Pendahuluan

Sejak abad kesembilan belas telah menjelma kesedaran akan kekurangan kecocokan antara ilmu-ilmu kemasyarakatan Barat dan kenyataan sosial di dunia Melayu. Pelbagai contoh ketidaksesuaian faham-faham, teori-teori dan andaian-andaian Barat telahpun diperhatikan dalam karya-karya kritik tentang kedudukan ilmu-ilmu kemasyarakatan di dunia Melayu. Kenyataan bahawa ilmu-ilmu kemasyarakatan telah muncul di Barat, diamalkan di dunia Melayu pada mulanya oleh sarjana-sarjana penjajah dan Eropah selainnya, dan akhirnya ditanamkan di kalangan sarjana-sarjana tempatan semasa dan selepas kemerdekaan, telah membangkitkan persoalan kesesuaian ilmu-ilmu ini untuk masyarakat-masyarakat alam Melayu. Beberapa sarjana pada kurun kesembilan belas dan lebih ramai lagi pada zaman pasca-penjajahan telah mencatat bahawa ilmu-ilmu kemasyarakatan tidak boleh dipindahkan dari suatu latar sejarah dan ekonomi-sosial tertentu kepada yang lain tanpa memutar-belitkan pemahaman terhadap kenyataan itu. Secara ringkas, masalah ketidaksesuaian ilmu-ilmu kemasyarakatan Barat telah dikenalpasti dan keperluan membangkitkan pengganti-pengganti yang sesuai telah diakui.

Masalah ketidaksesuaian ini berkaitan dengan suatu orientasi yang dinamakan Orientalisme yang berterusan menguasai pengkajian Melayu-Indonesia.

Kertas ini bertujuan untuk mendedahkan serta menggambarkan andaian-andaian Orientalisme yang menggaris-bawahi sebahagian besar daripada kajian-kajian mengenai sejarah kepulauan Melayu-Indonesia. Orientasi Orientalisme inilah yang me-

entukan sebahagian besar daripada penyusunan sejarah kita, dan tiada membawa kita kepada suatu gambaran masa lampau yang benar. Orientalisme, yang berasal daripada tradisi kesarjanaan Eropah-Amerika, telah muncul dengan permulaan kajian Melayu-Indonesia pada abad kesembilan belas. Orientasi yang berasaskan kepada Orientalisme itu telah mempengaruhi ahli-ahli sejarah Melayu-Indonesia dalam erti bahawa ada segolongan daripada mereka yang menjadi pengikut tradisi itu. Akibatnya adalah bahawa setengah-setengah ciri-ciri Orientalisme dikekalkan dalam kesarjanaan tempatan di dunia Melayu.

Ini merupakan suatu masalah lama yang masih mendampingi kita, malah dalam bentuk baru. Di sini kita perlu membedakan antara Orientalisme lama dan Orientalisme baru. Orientalisme yang lama merujuk kepada orientasi yang terang-terangan anti-Timur dan berasaskan kepada pelbagai garis pemisah (*dichtotomies*) yang palsu antara Timur dan Barat seperti "maju-mundur", "beradab-biadab", "kebenaran-kepalsuan", dan sebagainya. Orientalisme yang lama berdasarkan kepada prasangka-prasangka ras dan agama, dan stereotaip-stereotaip tertentu.

Pada umumnya, Ilmu-ilmu kemasyarakatan zaman sekarang telah mengatasi masalah ini, tetapi, tempat Orientalisme yang lama telah diambilalih Orientalisme baru, yaitu, suatu orientasi yang mengetepikan binaan (*constructions*) dan gagasan-gagasan tempatan dan asli, yaitu bukan-Barat.

Contoh yang lazim adalah wacana dan penyelidikan tentang agama Hinduisme. Apa yang sebenarnya terdiri daripada pelbagai agama yang berbeza-beza dan berasingan, apabila ditemui sarjana-sarjana penjajah di India,

disatukan dalam suatu binaan yang digelar Hinduisme. Binaan palsu ini telah diambil dan dimiliki oleh sarjana-sarjana Belanda yang telah "menemui" agama Hindu di Indonesia.

Bahayanya dikuasai oleh binaan Orientalis adalah proses pengetepian teori dan faham tempatan dan asli. Contohnya, dalam kajian mengenai kebangkitan Islam istilah seperti fundamentalisme digunakan seolah-olah ada keserupaan antara fundamentalisme Kristian dan apa yang disebut fundamentalisme Islam. Yang diketepikan dalam proses ini adalah faham-faham yang berasal daripada tradisi Islam sendiri seperti *islah*, *tajdid*, *ghuluw* dan *hashwiyah*.

Pembahasan

Diagnosis di Alam Melayu terhadap Permasalahan Ilmu-Ilmu Kemasyarakatan dan Sejarah

Zaman penubuhan ilmu-ilmu kemasyarakatan dan institusi-institusi dalam mana mereka diajar dan berkembang di dunia Melayu telah dimulakan oleh sarjana-sarjana dan pentadbir-pentadbir penjajahan sejak kurun kelapanbelas, dan juga oleh orang Eropah selainnya secara langsung dan tidak langsung.

Tinjauan atas persoalan ketidaksesuaian di aras falsafah, teoretik, empiri dan terapan adalah akibat daripada pertemuan di antara teori dan model Barat pada satu pihak, dan kenyataan tempatan/kebangsaan/rantauan pada pihak lain.

Mari kita mengambil contoh dalam mana ketidaksesuaian dipandang sebagai masalah dengan merujuk kepada faham agama.

Istilah yang kita gunakan menentukan dan mencerminkan kefahaman kita terhadap sesuatu. Contohnya adalah istilah "agama". Apabila kita sebut "agama Islam" kebanyakan orang memahami ini sebagai merujuk kepada suatu sistem kepercayaan dan amalan-amalan ibadah yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang dinamakan Islam. Sebenarnya, ini tidak tepat sebab Islam adalah lebih daripada sistem kepercayaan dan ibadah.

Istilah yang seringkali diterjemahkan sebagai agama atau religion, iaitu, *din*, sebenarnya tidak membawa sama makna dengan "agama" atau religion. Pertama-tama sekali, istilah agama berasal daripada bahasa Sanskerta dan berarti sesuatu yang diturunkan dari generasi ke generasi. Istilah agama ini digunakan oleh orang Hindu untuk merujuk kepada kitab-kitab Vedic, iaitu, kitab suci Hindu. Namun begitu, orang Islam di rantau Asia Tenggara yang berbahasa Melayu tidak memahami agama dalam arti Hindu ini. Ramai diantara mereka memahami agama dalam arti *religion* seperti yang difahami di Barat, iaitu, sebagai suatu sistem kepercayaan dan amalan yang merupakan sebahagian daripada budaya dan tidak seharusnya merangkumi seluruh sesuatu budaya. Ini disebabkan oleh kenyataan bahwa agama Nasrani di Eropah telah sejak berkurun-kurun menjadi hanya sebahagian daripada kehidupan budaya dan sosial orang Eropah. Jadi, faham agama yang terkandung dalam istilah *din* tidak dapat disamakan dengan yang terkandung dalam istilah *religion*.

Ketidakesuaian ilmu Barat dalam konteks bukan Barat termasuk berkisar dari ketidaksesuaian pandangan Eropah terhadap agama ke kesan pemutar-

balikan kaedah selidik survei ke ketidaktepatan model-model Barat. Begitu sungguh perhatian seumpama ini sehingga telah muncul rumusan pelbagai pemandangan teoretik terhadap keadaan ilmu-ilmu kemasyarakatan di Dunia Ketiga yang mengajukan penilaian kritik akan pengaruh ilmu-ilmu kemasyarakatan Barat atas bidang-bidang ilmiah di Dunia Ketiga.

Sejak abad kesembilan belas, para sarjana alam Melayu dan cendekiawan lain telah membahas keadaan ilmu-ilmu kemasyarakatan di rantau ini. Penilaian mereka acap melibatkan kritik terhadap Orientalisme dan penanaman secara tidak kritikal ilmu-ilmu kemasyarakatan Amerika dan Eropah di alam Melayu. Banyak karya jenis ini terbit di Singapura, termasuk tulisan-tulisan Syed Hussein Alatas (1956, 1969, 1972, 1974), M.L. Blake (1991), Syed Farid Alatas (1993, 1995a, 1995b, 1998, 2006), dan Vineeta Sinha (1997, 1998). Di Singapura juga terdapat perkembangan minat dalam pengganti feminis terhadap wacana sosiologi arus utama (lihat, misalnya, Chung, 1989; PuruShotam, 1992, 1993, 1998; Sinha, 1999; Wee, 1988; Wee, Heyzer & Kwa, 1995).

Masalah serupa diungkapkan pertama kali di Indonesia, bukan oleh orang Indonesia sendiri, melainkan oleh para sarjana Belanda. Yang mula-mula menentang Orientalisme ilmu-ilmu kemasyarakatan, dari kalangan Belanda khususnya, dan dari kalangan orang-orang Eropa secara umum, adalah Jacob Cornelis van Leur, seorang sarjana yang tragisnya mati muda dalam pertempuran di Laut Jawa melawan orang-orang Jepang. Ia (van Leur, 1937, 1940a, 1940b) kritis terhadap kecenderungan Erosentris yang ditemukan dalam pengetahuan Belanda mengenai Hindia Belanda. Ia

menulis dalam bahasa Belanda, tetapi beberapa esainya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggris (van Leur, 1955). Van Leur terkenal karena tulisannya yang menentang perspektif dari 'geladak kapal, dinding-dinding benteng, balkon tinggi rumah-rumah dagang' (ibid.: 261), meskipun ia sendiri tidak objektif dalam menilai, misalnya, pengislaman Indonesia (Alatas, 1962: 225-26). Sebagai contoh, ia mempertanyakan ketepatan abad delapan belas sebagai sebuah kategori dalam sejarah Hindia Belanda, karena merupakan kategori yang dipinjam dari sejarah Barat (van Leur, 1940a).

Secara perlahan, orang-orang Indonesia sendiri mulai menulis tentang masalah Orientalisme dan bias-bias lain yang muncul dalam penulisan sejarah Indonesia (mithalnya, Pane, 1951; Soedjatmoko, 1960).

Beberapa sarjana juga menyoroti masalah imperialisme intelektual dan gagasan-gagasan terkait. Pada 1950-an, Syed Hussein Alatas dari Malaysia merujuk pada 'impot secara besar-besaran gagasan-gagasan dunia Barat ke masyarakat Timur' (Alatas, 1956) yang dilakukan tanpa pertimbangan sepatutnya dari segi konteks sosial-sejarah. Ini disebutnya sebagai masalah asa kolonialisme. Lebih lanjut ditunjukkan bahwa cara berpikir penduduk terjajah memiliki kaitan dengan imperialisme politik dan ekonomi. Demikian pula ungkapan imperialisme akademik (Alatas, 1969).

Mentakrifkan Masalah dalam Ilmu-Ilmu Kemasyarakatan dan Sejarah

Dari catatan-catatan tadi, berbagai persoalan yang telah dikenal pasti oleh sejumlah ilmuwan dan pemikir Asia dapat dijabarkan menurut ciri-ciri

berikut:

1. Ada *bias Erosentris* sehingga ide, model, pilihan masalah, metodologi, teknik, bahkan rencana penyelidikan berasal dari karya Amerika, Inggris, dan hingga tingkatan tertentu, Prancis dan Jerman.
2. Ada pengabaian umum terhadap tradisi falsafah dan sastra tempatan. Meski mungkin ada kajian mengenai sastera dan atau falsafah tempatan, tradisi semacam ini tetap menjadi objek kajian, tidak dianggap sebagai sumber konsep ilmu-ilmu kemasyarakatan.
3. Kurangnya kreativiti atau ketidakmampuan para ilmuwan sosial di luar arena budaya Ero-Amerika untuk melahirkan teori dan metode yang asli (Sinha, 1998: 19). Terasa adanya kekurangan gagasan-gagasan asli yang menumbuhkan faham baru, perspektif teoritis baru, aliran pemikiran baru, atau inovasi dalam metode penyelidikan.
4. Mimesis (peniruan) terlihat dalam penerimaan pengetahuan yang tidak kritik terhadap model ilmu-ilmu kemasyarakatan Barat (Sinha, 1998: 19).
5. Terkait dengan ini adalah masalah auto-Orientalisme, yakni internalisasi gagasan-gagasan Orientalis yang berkembang di Barat, kemudian dikonsumsi di wilayah-wilayah yang merupakan objek konstruksi Orientalis.
6. Teori-teori Orientalisme dan Erosentrisme, yang membincangkan binaan secara wacana (*discursive construction*) Timur dan sejarah dunia, juga merujuk kepada satu segi ketidakjitian, iaitu, ketidakselarasan antara andaian dan kenyataan. Umpamanya, banyak di antara pemerhatian Marx dan Weber terhadap masyarakat-masyarakat bukan-Eropah bukan hanya salah secara fakta, akan tetapi mereka berasaskan kepada andaian-andaian tiada berdasar sepanjang yang menyangkut ciri-ciri utama masyarakat-masyarakat "Timur". Akibat Orientalisme adalah masalah ketidakjitian atau ketidaksesuaian dalam ilmu-ilmu kemasyarakatan di dunia Melayu, termasuk pendekatan ilmiah terhadap sejarah rantau ini.
7. Wacana Eropa mengenai masyarakat bukan Barat cenderung mengarah pada pembinaan esensialis, yang 'memastikan' bahwa dirinya adalah kebalikan dari Eropa: barbar, terbelakang, dan irasional (Sinha, 1998: 11-12).
8. Tiadanya sudut pandang minoriti. Sebagai mital, Evans (1997) mencatat bahwa dalam berlimpahnya data yang dikumpulkan para etnografer Cina, Vietnam, dan Laos, 'tidak ada tradisi untuk mencatat "suara-suara" minoriti' (ibid.: 10). Jika kita memahami istilah 'minoriti' bukan hanya dalam arti minoriti etnik tetapi juga semua kelompok yang tidak beruntung dan terpinggirkan, maka dapat kita tegaskan bahwa ilmu-ilmu kemasyarakatan semacam itu dikuasai oleh perspektif elitis.
9. Persekutuan dengan negara. Peranan yang dimainkan disiplin-disiplin seperti antropologi dan geografi pada masa kolonial terus berlanjut di zaman sekarang. Sebagai mital, antropologi dipergunakan negara untuk mewujudkan integrasi, kawalan atas dasar negara, dan penciptaan sebuah budaya kebangsaan (Evans, 1997: 8; Pieke, 1997: 6; Ramstedt, 1997: 15).
10. Persoalan-persoalaan tadi berada dalam konteks imperialisme

akademik atau intelektual (Alatas, 2000), yakni penguasaan intelektual Dunia Ketiga oleh kuasa-kuasa ilmu-ilmu kemasyarakatan (AS, Inggris, dan Prancis).

Jenis watak yang tertawan oleh Orientalisme bercirikan cara memikir yang dikuasai oleh pemikiran Barat. Masalahnya bukan pengambilan dari pemikiran Barat sendiri, tetapi cara tanpa kupasan dan tiruan dalam mana ilmu dari Barat dimengerti dan diterima. Suatu *demonstration effect* mengakibatkan tiruan di segala aras kegiatan-kegiatan kesarjanaan, termasuk penetapan masalah, analisa, pengitlakan, pembentukan faham, penggambaran, penghuraian, dan pentafsiran (Alatas, S.H.1972: 11-12). Dari teori tawanan watak kita dapat memahami ketidakjitian sebagai bercirikan ilmu masyarakat yang ditentukan oleh ketidakbolehan membangkitkan masalah asli dan merencanakan kaedah asli demi penyelesaian masalah.

Penulisan ilmiah watak tertawan juga berasaskan kepada "ketidaknyataan andaian-andaian asas, abstraksi yang salah, ketidaktahuan atau salah pentafsiran fakta-fakta, dan pemahaman keliru terhadap masalah-masalah tertentu" dalam ilmu-ilmu kemasyarakatan (Alatas, S.H. 1972: 11). Masalah ketidakselarasan antara andaian dan kenyataan mengakibatkan masalah penerapan teori-teori, faham-faham serta model-model Barat. Teori-teori Orientalisme, Erosentrisme dan kupasan pascapenjajahan telah terus-menerus menunjukkan bagaimana teori-teori yang tidak dapat diterapkan dipaksakan pada fakta-fakta sejarah, yang akhirnya menjadi binaan yang sangat diragukan. Contoh terkenal adalah faham ragam pengeluaran Asiatic Marxis. Ketidakjitian dalam

erti ketidakterapan di sini disebabkan oleh ketidakcocokan antara teori dan kenyataan empiri.

Seruan Akan Wacana Pengganti: Ke Arah Pembinaan Semula Sejarah Nusantara

Pemahaman bahwa ilmu-ilmu kemasyarakatan di Asia memiliki masalah sebagaimana disebutkan dan dibi-cayakan tadi telah menimbulkan reaksi di kalangan sarjana Barat dan non Barat. Pengenalan masalah ketidaksesuaian adalah suasana tepat untuk memahami seruan untuk kesesuaian. Ini telah menjelma dalam bentuk anjuran untuk mentafsirkan semula sejarah.

Sejarah yang ditafsir semula merupakan apa yang Edward Said menamakan: "*revisionary history*", iaitu penulisan sejarah yang menolak wacana berpengaruh dan berkuasa dan yang "melebihi perlawanan Timur menentang Barat, dan secara cendekia dan konkrit mencuba memahami perkembangan beraneka-ragam dan yang seringkali aneh, yang dahulu tiada tercapai oleh apa yang dinamakan sejarawan dunia dan juga Orientalis penjajahan..." (Said, 1993).

Di dunia Melayu, seorang pendukung awal ilmu-ilmu kemasyarakatan dalam bentuk non akademis, kemungkinan adalah Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1796-1854). Salah satu karyanya adalah *Kesah Pelayaran Abdullah* pada 1838. Abdullah (1838/1965) merupakan seorang pengamat yang tajam mengenai masalah keterbelakangan masyarakat Melayu pada zamannya, yang baginya disebabkan oleh tatanan feudal. Abdullah adalah pendukung penggunaan bahasa Melayu sebagai media pengembangan kesedaran orang Melayu. Abdullah

kelas tidak menentang seni tilawah Al-Quran. Namun, mempelajari Al-Quran tanpa memahami isinya menurutnya tidak rasional (Abdullah, 1838/1965: 15). Ia menyayangkan bahwa orang-orang elit Melayu tidak memainkan peran utama dalam menyuburkan proses belajar di kalangan orang-orang Melayu agar dapat menghasilkan karya-karya di berbagai cabang pengetahuan (Abdullah, 1838/1965: 15-16). Abdullah kemudian menilai dampak feudalisme pada pikiran Melayu yang ia pandang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Karyanya merupakan catatan kritik pertama mengenai feudalisme Melayu yang menawarkan sebuah perspektif yang mematahkan sudut pandang kolonial dan feudal.

Di Indonesia, para sarjana kolonial Belanda-lah yang pertama kali membicarakan masalah pengganti dalam kajian sejarah Indonesia. Belakangan, baru diikuti oleh orang-orang Indonesia sendiri. Meskipun gagasan sejarah yang Indosentris tetap merupakan faham yang kabur dan tampak 'lebih berhasil dalam konsepsi ketimbang pelaksanaan' (Kartodirdjo, 1982: 30), beberapa catatan mengenai usaha-usaha awal masih bisa dikemukakan.

Sarjana Belanda, J.C. van Leur, telah mempertanyakan cocok-tidaknya abad kedelapan belas dijadikan sebuah kategori dalam sejarah Indonesia. Abad kedelapan belas adalah sebuah kategori pinjaman dari sejarah Barat yang menunjukkan aspek-aspek khas Barat. Lebih lanjut, tidaklah absah menganggap sejarah Indonesia sebagai sejarah Dutch East India Company (Perusahaan Hindia Timur Belanda). Apalagi, para sejarawan telah membuat kesalahan dengan mengasumsikan bahwa negara-negara 'Oriental' mengalami kemunduran pada abad

delapan belas sebagaimana keadaan Eropa sebelum Revolusi Industri. Maka, yang dibutuhkan adalah sebuah sistem kategori baru yang hanya dapat dimunculkan melalui keakraban dengan sejarah Indonesia sebagai sebuah sejarah menurut ketentuannya sendiri, bukan sejarah seberang laut Belanda.

Cendekiawan Indonesia Armin Pane (1951) telah mempublikasikan sebuah esai berisikan gambaran besar mengenai sejarah Indonesia yang Indosentris. Ini bukan berarti mengabaikan karya-karya atau sumber asing, tetapi lebih menempatkan mereka kembali dalam sudut pandang sejarah Asia dan Asia Tenggara, bukan Eropa (Pane, 1951). Indosentrisme dapat dipahami sebagai upaya mengoreksi sejarah Indonesia yang (semula) tak lebih dari perluasan sejarah seberang laut Belanda. Caranya, dengan memusatkan perhatian pada orang Indonesia sendiri sebagai pelaku sejarah. Implikasinya mencakup perhatian pada sejarah lokal dan regional. Sejarah mikro semacam itu pada akhirnya akan mendorong seruan pendekatan multidimensi yang tidak terdapat dalam pendekatan sejarah arus utama (Kartodirdjo, 1982: 38-39). Meski kebutuhan akan pendekatan multidimensi tampak nyata, banyak sejarah alam Melayu yang masih harus ditulis kembali dengan semangat ini.

Syed Hussein Alatas (1962: 22; 1964) telah mengemukakan cadangan membina semula sejarah Kepulauan Melayu-Indonesia yang terkait dengan metodologi dan falsafah sejarah. Ia mencatat, dalam sejarah Melayu-Indonesia, abad ketiga belas hingga keenam belas merupakan periode yang diabaikan dalam kajian sejarah Asia Tenggara dan harus diperlakukan

sebagai zaman tersendiri (ibid.: 219). Alatas mengusulkan agar zaman tersebut dianggap sebagai zaman Islam dengan individualitinya sendiri kerana merupakan sebuah zaman pengislaman yang intensif; dan memunculkan masalah historiografik seperti periodisasi, unit analisis, dan sudut pandang sejarah (ibid.: 224). Selain dari itu, karya Alatas dalam mana penafsiran semula sejarah dilakukan adalah bukunya, *The Myth of the Lazy Native* (1977).

Karya awal lain tentang rekonstruksi adalah karya saudara Alatas, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969), yang diikuti dengan karya serupa dalam bahasa Melayu (1972). Karya ini mengemukakan teori umum mengenai pengislaman Kepulauan Melayu-Indonesia didasarkan pada sejarah gagasan. Al-Attas menggarapnya dengan meneliti 'konsep-konsep istilah pokok yang berubah dalam bahasa Melayu' di abad keenam belas dan tujuh belas. Bukti yang membentuk landasan teori umum tersebut diambil dari sastra-sastra utama berbahasa Melayu, Arab dan Persia, dan metode yang digunakan adalah 'penafsiran kritis dan komentatif' terhadap teks maupun 'konsep metodologis dan pendekatan analisis semantik modern' (al-Attas, 1969: 1-2).

Di sini, mungkin menarik dicatat bahwa Singapura telah memiliki tradisi menghasilkan wacana pengganti sejak 1970-an. Contoh-contohnya mencakup penyelidikan sosiologi sejarah tentang ideologi penjajahan yang dilakukan oleh Syed Hussein Alatas dengan fokus pada (a) falsafah politik Raffles (1971) dan (b) mitos kemalasan Melayu, Jawa dan Filipina (1977), dan (c) seruannya untuk menumbuhkan tradisi ilmu-ilmu kemasyarakatan otonom di

Asia (1979, 1981). Demikian pula dengan karya-karya lain oleh Shaharuddin Maaruf (1984, 1989, 1992) dan Sharifah Maznah Syed Omar (1993).

Usaha-usaha seumpama ini telah bermula tetapi tidak berterusan dan masih belum mempengaruhi bidang pengkajian Melayu-Indonesia. Jika kita merujuk kepada tulisan "*revisionary history*", iaitu penulisan sejarah yang menolak wacana berpengaruh dan berkuasa, contohnya, karya Syed Hussein Alatas dan Syed Muhammad Naquib Al-Attas, buku dan makalah mereka jarang dipetik atau disebut secara luas dan kritikal, sepanjang yang menyangkut pandangan mereka terhadap Orientalisme.

Dalam apa yang berikut, saya memberi dua contoh apa yang dimaksudkan dengan ilmu-ilmu kemasyarakatan yang melawan Orientalisme.

Penerapan secara kritik faham-faham dari Barat

Istilah yang biasanya digunakan untuk merujuk kepada sistem ekonomi negeri-negeri Melayu sebelum zaman kapitalis adalah feodalisme. Sebenarnya, istilah ini dengan sendirinya tidak sesuai. Salahsatu daripada ciri-ciri Orientalisme adalah penerapan faham-faham daripada Barat secara tidak kritikal. Ini menyebabkan pengabaian faham-faham lain yang mungkin lebih sesuai untuk menggambarkan keadaan ekonomi-politik negeri-negeri Melayu pada zaman prakapitalis.

Ekonomi-politik negeri-negeri Melayu dan kepulauan Melayu-Indonesia pada amnya dapat difahami sebagai terdiri daripada dua jenis peraturan politik, iaitu, yang berpusat dan yang tidak berpusat. Yang tidak berpusat

dinamakan oleh Bronson sebagai jaringan perukaran persungai (Bronson, 1978). Pusat politik dan ekonomik sistem ini terletak di kuala sungai di daerah pantai dan membentang hingga ke hulu atau hutan-hutan di pedalaman di mana terdapat pengeluaran terakhir barang-barang hasil hutan. Sistem ini adalah sistem yang tidak berpusat kerana yang memerintah di kuala sungai itu tidak memiliki keseluruhannya wilayah itu, iaitu wilayah yang membentang dari kuala sungai hingga ke hulu. Ia hanya cuba memaksa ataupun memperoleh kesetiaan pengeluaran-pengeluar di hulu sungai dengan menagih sumpah setia atau ufti, iaitu, bayaran yang dikenakan oleh seorang pemerintah ke atas daerah-daerah yang di luar kuasanya. Ia juga harus bersaing dengan kuasa-kuasa lain di wilayah itu untuk menubuhkan dan memelihara kekuasaan ke atas daerah pedalaman di mana barang-barang dikeluarkan dan diedarkan sampai ke hilir kerana ia hendak menjadi pusat pengedaran barang-barang eksport dan import. Ia juga bersaing dengan pemerintah wilayah yang lain yang berpusat di kuala sungai yang lain. Sistem ekonomi politik ini dinamakan sistem tidak berpusat kerana pemerintah tidak memiliki dan menguasai keseluruhan wilayah itu. Satu contoh jaringan pertukaran persungai adalah negara Srivijaya.

Sistem ekonomi-politik yang berpusat dinamakan jaringan pertukaran persawahan. Dalam sistem ini barang-barang yang dikeluarkan di perkampungan-perkampungan dijual di pekan-pekan oleh petani-petani dan pedagang-pedagang beberapa hari seminggu. Pekan-pekan ini adalah kecil dan merupakan pekan yang sementara. Dari pekan-pekan ini barang-barang

dijual ke pasar-pasar yang besar dan tetap. Dari pasar-pasar menengah ini barang-barang dijual di bandar atau kota diraja untuk kegunaan penduduknya dan eksport. Negara yang berdasarkan kepada sistem seumpama ini terdiri daripada beberapa perkampungan dan pasar menengah. Sistem ini dinamakan sistem berpusat kerana kebanyakan tanah dimiliki pemerintah. Sistem ini berdasarkan kepada pengeluaran barang-barang pertanian seperti padi. Pemerintah menguasai pengedarannya dan menagih cukai atasnya. Contoh jaringan pertukaran persawahan adalah negara Majapahit dan Mataram (Hall, 1985).

Untuk mendalami pemahaman kita tentang kedua jenis sistem ekonomi-politik yang dibincangkan di sini kita perlu merujuk kepada faham ragam pengeluaran (*mode of production*). Ini merupakan faham yang paling am dan abstrak untuk memeriksa dan menjelaskan sifat dan fungsi sebuah ekonomi-politik.

Setiap ragam pengeluaran terdiri daripada alat-alat pengeluaran, kelas-kelas dan perhubungan pengeluaran tertentu. Ragam pengeluaran yang paling penting pada zaman prakapitalis di dunia Melayu, iaitu, ragam pengeluaran penyerahan ufti (*tributary mode of production*), dicirikan oleh adanya dua kelas utama, kelas tani yang menetap di perkampungan dan kelas pemerintah yang menguasai jenetara politik dan menetap di perkampungan dan kota dan dapat memperuntukkan lebih ekonomi daripada kelas tani. Dalam ragam pengeluaran penyerahan ufti, ufti dalam bentuk sewa diserahkan kepada kelas pemilik tanah atau kelas pemerintah dan ini memberikan mereka hak menduduki dan memanfaatkan tanah itu. Ragam

pengeluaran ufti yang terdapat di dunia Melayu-Indonesia terdiri daripada beberapa jenis.

Kedua jenis jaringan pertukaran yang dibicarakan di atas terdiri daripada ragam pengeluaran penyerahan ufti yang berlainan. Jaringan pertukaran persungai terdiri daripada ragam pengeluaran feudal, sedangkan jaringan pertukaran persawahan terdiri daripada ragam pengeluaran Asiatik dan ragam pengeluaran perlungguhan.

Kalau ragam pengeluaran Asiatik difahami sebagai ragam pengeluaran dalam mana pemerintah memperoleh lebih ekonomi dari rakyat petani secara langsung, nyata bahwa sistem ekonomi Jawa prakapitalis tidak boleh digambarkan oleh ragam pengeluaran ini semata-mata. Nagaragung dan mancanegara Imperaturia Mataram berdasarkan kepada pemberian tanah kepada pegawai kerajaan sebagai gaji. Ini dinamakan lungguh.

Mengubah gagasan-gagasan yang sudah diterima

Sesuatu yang berpengaruh dalam pengkajian sejarah ekonomi-politik dunia Melayu adalah andaian bahawa negara-negara pra-kapitalis di rantau ini berasaskan kepada ragam pengeluaran Asiatik atau ragam pengeluaran yang lain yang tidak mengandungi prasyarat-prasyarat untuk perkembangan ragam pengeluaran kapitalis atau kapitalisme modern. Umpamanya, untuk Karl Marx ada empat prasyarat untuk penjelmaan ragam pengeluaran kapitalis yang hanya dapati di Eropah dalam ragam pengeluaran feudal. Mereka adalah 1) pembebasan kaum petani daripada kewajiban mereka terhadap pemilik tanah (Marx, 1965: 107; 1978: 69, 73); 2) perkembangan

pekerjaan kemahiran perkotaan (*urban crafts*) (Marx, 1965: 104-5); 3) pengumpulan hakmilik yang diperolehi daripada perdagangan dan riba (*usury*) (Marx, 1965: 107-9); dan 4) meningkatnya kegiatan pembuatan (*manufactures*) (Marx, 1965: 116-17; 1978: 72-3). Kesemuanya empat prasyarat ini adalah sangat penting bagi peralihan daripada feudalism ke kapitalisme di Eropah.

Perkembangan dalam pekerjaan kemahiran perkotaan dan pembuatan memerlukan bekalan buruh yang cukup yang tidak ada di kota-kota Eropah pada Zaman Pertengahan, yang kemudian dimungkinkan oleh pembebasan kaum petani dari perdesaan dan adanya sebuah class pedagang yang agak bebas daripada kuasa pemerintah di perkotaan. Prasyarat-prasyarat ini difahami Marx sebagai tiada terdapat dalam masyarakat Asia kerana ekonomi-politiknya dicirikan oleh pengaturan kota dan desa dalam mana tiada terdapat kelas pedagang yang bebas.

Kenyataan, seperti yang terdapat di negeri-negeri Melayu tidak semestinya menaati binaan teoretis ini. Telah dikemukakan oleh P.L. Burns bahawa dalam kes negeri-negeri Melayu, terutama sekali di Perak, Selangor dan Sungai Ujong, process peralihan daripada ragam pengeluaran penyerahan ufti kepada kapitalisme telah mula dijalankan oleh orang besar atau datuk-datuk Melayu sebagai pemilik lombong-lombong timah. Kapitalisme menjelma dalam industry timah di Semenanjung Melayu sebelum penubuhan pemerintah penjajahan (Burns, 1982). Datuk-datuk Melayu telah bekerjasama dengan pedagang-pedagang Cina, Arab, Jawi Peranakan dan Serani untuk mengimpot buruh Cina.

Mewujudkan gagasan yang baru

Selain daripada usaha-usaha yang tercatat di atas, cabarab kita sekarang adalah untuk mewujudkan kembali minat terhadap pemikir-pemikir dan gagasan-gagasan dari tradisi tempatan dan asli kita dengan tujuan untuk menyumbang kepada ilmu-ilmu kemasyarakatan yang sejagat dan menyeluruh. Contohnya adalah daripada pemikir-pemikir seperti Jose Rizal dan Syed Hussein Alatas yang telah mengambil perhatian terhadap faham kemalasan dan memajukan suatu definisi kemalasan yang baru (Alatas, 1977; Rizal, 1963), dan pemikir-pemikir selainnya seperti AIÇ Shariati, Said Nursi, Pramoedya Ananta Toer, Morteza Mutahhari, Ibn Khaldun, Benoy Kumar Sarkar, Gilberto Freire, dan sebagainya.

Simpulan

Ringkasnya, para sarjana di Dunia Ketiga telah mengkritik keadaan ilmu-ilmu kemasyarakatan di masyarakat mereka. Kritik-kritik itu mencakup berbagai segi, tetapi semuanya sepatutnya difahami dalam konteks hubungan antara ilmu-ilmu kemasyarakatan Dunia Ketiga dan lembaga-lembaga ilmu Barat. 'Wacana pengganti merupakan istilah kolektif yang merujuk pada pelbagai usaha untuk membincangkan tentang masalah-masalah yang menghinggapi ilmu-ilmu kemasyarakatan seperti Orientalisme.

Daftar Pustaka

- Alatas, Syed Farid (1993) "A Khaldunian Perspective on the Dynamics of Asiatic Societies" *Comparative Civilizations Review* 29: 29-51.
- Alatas, Syed Farid (1995a) "The Theme of 'Relevance' in Third World Human Sciences", *Singapore Journal of Tropical Geography* 16, 2: 123-140.
- Alatas, Syed Farid (1995b) "The Sacralization of the Social Sciences:

A Critique of an Emerging Theme in Academic Discourse", *Archives de Sciences Sociales des Religions* 91, 89-111.

- Alatas, Syed Farid (1998) "The Rhetorics of Social Science in Developing Societies", *CAS Research Papers Series No 1*, Singapore: Centre for Advanced Studies, National University of Singapore.
- Alatas, Syed Farid (2006) *Alternative Discourses in Asian Social Science: Responses to Eurocentrism*, New Delhi: Sage.
- Alatas, Syed Hussein (1972). "The Captive Mind in Development Studies," *International Social Science Journal* 34, 1: 9-25.
- Alatas, Syed Hussein (1974). "The Captive Mind and Creative Development," *International Social Science Journal* 36, 4: 691-699.
- Alatas, Syed Hussein (1977) *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos, and Javanese from the Sixteenth to the Twentieth Century and its Functions in the Ideology of Colonial Capitalism*, London: Frank Cass.
- Batatu, Hana (1978) *The Old Social Classes and the Revolutionary Movements of Iraq*, Princeton: Princeton University Press.
- Bronson, B. (1978) "Exchange at the Upstream and Downstream Ends: Notes Toward a Functional Model of the Coastal State in Southeast Asia," dalam K.L. Hutterer, peny., *Economic Exchange and Social Interaction in Southeast Asia: Perspectives from Prehistory, History and Ethnography*, Ann Arbor: University of Michigan Center for South and Southeast Asian Studies, pp. 39-52.
- Burns, P.L. (1982) "Capitalism and the Malay States" in Hamza Alavi et al, *Capitalism and colonial production*, London: Croom Helm, pp. 159-178.
- Hall, K.R. (1985) *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*, Honolulu: University of Hawaii Press.
- Marx, Karl (1965) *Precapitalist Economic Formations*, New York: International Publishers.
- Marx, Karl (1978) *The German Ideology*, New York: International Publishers.
- Rizal, José (1963) "The indolence of the Filipino", *Political and Historical Writings*, Manila: National Historical Institute, pp. 111-139.
- Said, Edward (1990). "Third World Intellectuals and Metropolitan Culture," *Raritan* 9, 3: 27-50.
- Said, Edward (1993) *Culture and Imperialism*, London: Chatto & Windus.
- Sinha, Vineeta (1998) "Socio-Cultural Theory and Colonial Encounters: The Discourse on Indigenizing Anthropology in India". naskah, Jabatan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Singapura.